

16/01/2003

Liong Sik sedia hadapi saman kedua

Nadzim Ahmad Jamalludin; Teh Kean Kiat

KUALA LUMPUR: Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik

bersedia

menghadapi kali kedua kes saman RM150 juta oleh ahli perniagaan, Datuk Soh

Chee Wen.

Presiden MCA itu berkata, beliau akan mendapatkan khidmat peguamnya untuk mengendalikan kes itu yang dikatakan akan difailkan dalam tempoh dua minggu.

"Soh Chee Wen kata dia akan memfailkan semula samannya. Apabila difailkan, saya akan mendapatkan khidmat peguam. Bagaimanapun, setahu saya tidak ada isu baru," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pusat (CC) MCA, di ibu pejabat parti itu semalam.

Kelmarin, Soh menyatakan hasratnya untuk memfailkan sekali lagi saman di

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur di Wisma Denmark.

Bekas anggota CC parti itu mengambil tindakan itu kerana mendakwa Dr Ling menghina kredibilitinya dengan mendakwanya sebagai penipu dan kini tiba masanya untuk memulihkan nama baiknya.

Tiga tahun lalu, ahli perniagaan berusia 42 itu pernah menyaman Dr Ling

tetapi ditolak oleh mahkamah atas alasan teknikal dan kes berkenaan tidak

pernah didengar di mahkamah.

Sementara itu, Dr Ling berkata, mesyuarat CC sebulat suara merakamkan penghargaan istimewa kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali kerana melakukan

upacara pecah tanah pembinaan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) di Kampar, Perak, baru-baru ini.

Dr Ling juga berkata, MCA melanjutkan tempoh untuk semua bahagian menyerahkan cadangan pindaan perlembagaan parti itu sehingga 15 April ini

untuk dikaji oleh Jawatankuasa Mengkaji Perlembagaan.

Ia berikutan maklum balas dingin yang diterima pengerusi jawatankuasa itu, Datuk Seri Dr Ting Chew Peh.

Selain itu, katanya, mesyuarat CC tidak membincangkan isu penyerahan surat meletak jawatannya daripada Kabinet pada Ogos lalu.